

BI tetap di laksana mungkin dengan sedikit perubahan — PM

31 AUG 2002

KUALA LUMPUR 25 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pengajaran subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris akan tetap dilaksanakan mengikut jadual mulai tahun depan tetapi mungkin dengan sedikit perubahan.

Perdana Menteri berkata, persiapannya sedang giat dilaksanakan walaupun kerajaan masih memberi peluang kepada setiap lapisan rakyat mengemukakan pendapat mereka.

“Kita sangat demokratik. Kita tidak paksa orang ramai. Kita de-

ngar pendapat mereka dan kita akan mencari pendekatan terbaik.

“Kalau tidak ada masalah, kita akan teruskan dengan apa yang dirancang walaupun pendekatannya mungkin berbeza sedikit.

“Tetapi sama ada kita akan buat apa yang kita telah rancang ataupun tidak, persiapan mesti dibuat dan sedang dibuat,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Wanita 2002 di Stadium Putra, Bukit Jalil di sini hari ini.

Penggunaan bahasa Inggeris bagi mengajar dua mata pelajaran

itu dijadualkan bermula tahun depan dan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Beliau yakin masalah sukar menerima dasar baru itu akan dapat diselesaikan dengan baik biar pun ia memakan masa yang agak panjang.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir menjelaskan, penggunaan bahasa Inggeris tidak akan melibatkan kebolehan bahasa guru yang mengajar kedua-dua subjek tersebut.

Katanya, semua sukatan subjek Sains dan Matematik itu akan disediakan dalam bentuk kerja kur-

sus dalam komputer atau cakera video.

“Dengan itu segala pertanyaan dan soalan, kita dapat dengar, kita boleh baca dan kita akan mendapat jawapannya melalui komputer,” jelasnya.

Menerusi kaedah itu, kata Perdana Menteri, guru hanya akan menjadi fasilitator dan ini tidak memerlukan guru-guru yang pakar dalam bahasa Inggeris.

“Guru cuma menjadi fasilitator dan guru sendiri dalam proses itu akan mempelajari bahasa Inggeris,” jelasnya.

Katanya, menerusi kaedah itu, mata pelajaran yang diajar boleh diulang berkali-kali sehingga murid-murid benar-benar faham tanpa sebarang masalah.

Mengenai masalah kekurangan komputer di sekolah luar bandar, Dr. Mahathir berkata, semua sekolah akan dilengkapi dengan komputer atau projektor apabila dasar itu dimulakan.

Dalam pada itu, beliau sekali lagi menekankan bahawa penggu-

lihat muka 4

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

BI tetap dilaksana mungkin dengan sedikit perubahan — PM

naan bahasa Inggeris tidak akan mengubah status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Katanya, setiap rakyat perlu mempelajari bahasa Melayu tetapi pada masa yang sama, mereka juga perlu fasih dalam bahasa Inggeris yang telah diiktiraf sebagai bahasa kedua.

“Banyak orang belajar bahasa Melayu sahaja dan mengabaikan bahasa Inggeris sehingga sekarang ini, kita dapati orang kita tidak boleh berdebat dan mengemukakan hujah ketika berunding dengan orang lain,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, kepentingan bahasa Inggeris juga dapat dilihat dengan pelbagai ilmu pengetahuan baru pada hari ini yang didatangkan dalam bahasa tersebut.

“Kita boleh terjemah tetapi siapa yang hendak terjemah sebab beratus ribu buku keluar dalam sehari,” katanya.

Beliau berkata, selain Malaysia, banyak negara yang dahulunya keras mempertahankan bahasa kebangsaan mereka seperti Jerman, Perancis dan Jepun, kini sudah mula mempelajari bahasa Inggeris.

“Orang Rusia hari ini juga belajar bahasa Inggeris. Malah, kita dapat menghantar penuntut perubatan ke Ukraine sebab diajar dalam bahasa Inggeris.

“Di negeri China, orang yang belajar bahasa Inggeris kini sama dengan jumlah penduduk Eropah,” katanya.